

**Panduan
untuk pilih**

**Bantuan Bayaran
Balik Pinjaman/
Pembiayaan**



Untuk maklumat lanjut:
www.bnm.gov.my/RA

#1 KETAHUI

Apakah pilihan yang saya ada?

- Moratorium selama 6 bulan
- Pengurangan bayaran balik ansuran

Siapakah yang boleh memohon?

- Semua individu (B40, M40 dan T20)
- Semua perusahaan mikro
- Semua PKS yang terjejas akibat pandemik COVID-19
- Pinjaman/pembiayaan yang diluluskan sebelum 1 Julai 2021 dan tidak tertanggung lebih daripada 90 hari
- Penerima bantuan bayaran balik sedia ada

Bilakah saya boleh memohon?

Mulai 7 Julai 2021



Untuk maklumat lanjut:
www.bnm.gov.my/RA

#2 PERTIMBANGKAN

Bagaimanakah saya patut membuat pilihan?

Pertimbangkan situasi semasa anda dan buat pilihan bijak

- “**Saya memang perlukan bantuan**” – pilih moratorium selama 6 bulan
- “**Pendapatan saya berkurang**” – hubungi bank anda untuk mengurangkan bayaran ansuran
- “**Saya mampu bayar balik pinjaman**” – teruskan membuat pembayaran
- “**Pinjaman saya telahpun tertunggak melebihi 90 hari**” – hubungi AKPK melalui services.akpk.org.my

Jika anda perlukan bantuan bayaran balik, layari laman web bank anda untuk mengetahui cara memohon melalui borang web, e-mel atau panggilan telefon



Untuk maklumat lanjut:
www.bnm.gov.my/RA

#3 TANYA

Apakah soalan yang patut saya tanya kepada bank?

- Berapakah jumlah bayaran ansuran bulanan saya setelah bantuan ini berakhir?
- Berapakah jumlah faedah/keuntungan akan dikenakan ke atas bayaran ansuran bulanan yang ditangguhkan?
- Adakah tempoh pinjaman/pembiayaan saya akan dilanjutkan dan untuk berapa lama?
- Adakah saya perlu membuat pembayaran tambahan sekali gus setelah bantuan ini berakhir? Bolehkah saya membuat pembayaran ini secara ansuran?
- Apakah yang patut dilakukan jika pendapatan saya masih terjejas setelah bantuan ini berakhir?

Jika anda penerima bantuan bayaran balik sedia ada, tanya...

- Apakah yang akan terjadi kepada bantuan yang saya sedang terima?



Untuk maklumat lanjut:
www.bnm.gov.my/RA

#4 NILAIKAN

Apakah lagi yang saya perlu tahu sebelum membuat keputusan?

- Pilihan bantuan bayaran balik dalam tempoh ini tidak akan menjejaskan laporan CCRIS anda
- Faedah akan terus dikenakan atas jumlah ansuran yang ditangguh
- Bank anda tidak akan mengenakan 'faedah atas faedah' (faedah terkompau) atau caj penalti lewat bayar sepanjang tempoh moratorium
- Tempoh pinjaman/pembiayaan anda mungkin lebih panjang selepas bantuan bayaran balik berakhir
- Anda boleh menghubungi bank untuk membuat penyelarasan bayaran ansuran sekiranya pendapatan bertambah baik bagi mengurangkan tempoh dan kos pinjaman/pembiayaan
- Jika pendapatan anda tidak terjejas, teruskan membuat bayaran balik kerana ianya adalah pilihan terbaik



Untuk maklumat lanjut:
www.bnm.gov.my/RA

#5 BERTINDAK

Ambil langkah yang sesuai

- Layari laman web atau hubungi bank anda jika memerlukan bantuan bayaran balik. Dapatkan bantuan secepat mungkin
- Hubungi AKPK melalui services.akpk.org.my untuk mendapatkan khidmat nasihat atau pilihan bantuan bayaran balik alternatif
- Jika anda menghadapi masalah dengan bank anda, hubungi BNMTLELINK melalui bnm.my/RAsurvey untuk membuat aduan
- Dapatkan khidmat nasihat percuma daripada Perancang Kewangan Berlesen SmartFinance FPAM melalui bit.ly/3js5zrm



Untuk maklumat lanjut:
www.bnm.gov.my/RA